

**BERITA ONLINE  
BERNAMA  
TARIKH: 30 NOVEMBER 2021  
(SELASA)**



## **PIKOM sahut seruan kerajaan lahir lima syarikat unicorn menjelang 2025**

# **PIKOM**



30/11/2021 06:18 PM

KUALA LUMPUR, 30 Nov -- Venture Investment Chapter Persatuan Teknologi Nasional Malaysia (PIKOM), platform antara pelabur dan penerima pelaburan menerusi rangkaian padu yang disediakan oleh ahli-ahli PIKOM, menyahut seruan kerajaan untuk melahirkan lima syarikat unicorn menjelang 2025.

Pengerusinya Sean Seah berkata PIKOM telah merangka siri program untuk mengenal pasti dan mengembangkan syarikat teknologi dan melahirkan syarikat unicorn Malaysia.

Istilah unicorn digunakan sebagai merujuk kepada syarikat pemula niaga persendirian yang mempunyai nilai lebih AS\$1 bilion (AS\$1=RM4.22).

"Kami telahpun mempunyai ekosistem yang sebaiknya yang melibatkan pembiayaan, latihan dan mekanisme mentor bagi syarikat teknologi," katanya pada majlis menjalin kolaborasi dengan dua syarikat, di sini, hari ini.

PIKOM akan bekerjasama dengan GreenPro dan SEATech Ventures pada bulan-bulan akan datang untuk menganjurkan siri program bagi mengenal pasti syarikat pemula niaga teknologi yang layak menyertai program ADAQ SEA Dragon, yang disasarkan untuk menghubungkan syarikat teknologi dengan kapitalis teroka global, pelabur korporat dan individu kaya.

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) baru-baru ini mengumumkan Rangka Tindakan Pembangunan Pemula Niaga dengan sasaran melahirkan 5,000 syarikat termasuk lima syarikat pemula niaga unicorn menjelang 2025, sejajar dengan objektif Rangka Tindakan Ekonomi MyDigital dan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12).

"Syarikat yang kami kenal pasti akan berusaha mendapatkan pembiayaan yang amat diperlukan untuk membantu membawa mereka ke tahap seterusnya. Kami berharap dapat melihat syarikat pemula niaga teknologi ini berkembang dan mencapai potensi penuh mereka sebaik sahaja mendapat pelabur yang sesuai. Lima syarikat unicorn dalam tempoh lima tahun adalah satu sasaran yang baik. Malahan kami telahpun ada lima dalam perancangan kami," katanya.

Ketua Pegawai Eksekutif Greenpro CK Lee berkata dengan metodologi yang terbukti berkesan ditambah dengan program mentor, pembiayaan dan akses pasaran, syarikat unicorn berkedudukan baik untuk mencapai impian mereka.

Ketua Pegawai Eksekutif SEATech Chin Chee Seong berkata SEATech merupakan salah satu syarikat yang sedang melaksanakan metodologi ADAQ 'Asia NASDAQ' dan telahpun mula melihat hasil awalnya.

"Dengan bekerjasama bersama PIKOM dan Greenpro, lebih banyak syarikat pemula niaga dan syarikat lain dapat mempercepat laluan mereka ke arah penyenaraian di pasaran modal terbesar di dunia," katanya.

PIKOM dan rakan kongsinya akan menganjurkan lima sesi pembentangan idea ADAQ Sea Dragon bermula dari Mac 2022 hingga Julai 2022.

Hanya 15 syarikat teknologi akan disenarai pendek bagi pusingan akhir di Kongres Teknologi Maklumat Sedunia (WCIT 2022) Malaysia yang berlangsung pada 13 hingga 15 Sept 2022.

Pada majlis penutup WCIT 2022, Malaysia diharapkan dapat menampilkan lima hingga sepuluh bakal syarikat unicorn daripada industri teknologi.

Sebelum pusingan akhir, syarikat yang disenarai pendek akan menjalani program latihan intensif untuk melengkapkan mereka ke gelanggang akhir.

Para pelabur sedang giat melabur di pasaran ASEAN, China dan Asia Utara dan sentiasa mencari syarikat yang mempunyai idea dan strategi yang berasas untuk membuat pelaburan.

Para finalis ADAQ SEA Dragon akan diberi peluang untuk membentangkan idea mereka secara terus kepada lebih daripada 30 pemodal teroka, pelabur, dan individu kaya.

ADAQ Sea Dragon mendapat sokongan daripada Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), ATA Plus, dan Persatuan PKS Malaysia.

– BERNAMA